



**KEMENTERIAN PERUMAHAN
DAN KERAJAAN TEMPATAN**
Unit Komunikasi Korporat
Aras 2, No. 51, Persiaran Perdana
Presint 4, 62100 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel : 03 8891 5564
Faks : 03 8891 5557
Laman Web : www.kpkt.gov.my
Email : media.ukk@kpkt.gov.my
Twitter : @kpkt_gov
Facebook/ : KPKT Malaysia

Rujukan kami : KPKT/BPK/19/7/4Klt.46 (74)

Tarikh : 2 November 2021

SIARAN MEDIA

PLANMalaysia TERIMA PENGIKTIRAFAN MALAYSIA BOOK OF RECORDS (MBOR) BAGI PENYEDIAAN PELAN GUNA TANAH TERPANTAS

PUTRAJAYA, 2 November 2021 – Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) menerusi **PLANMalaysia (Jabatan Perancangan Bandar dan Desa)** hari ini menerima pengiktirafan **Malaysia Book of Records (MBoR)** di atas pencapaian **Penyediaan Pelan Guna Tanah Terpantas** bagi Bandar Kuala Kubu Bharu dengan konsep "*From Garden City to Smart Garden City*" dalam tempoh 1 jam.

Sijil Pengiktirafan telah disampaikan oleh Perunding Kanan (Rekod) MBoR, Puan Siti Hajar binti Johor kepada TPr Gs Dr. Shamsaini binti Shamsuddin, Ketua Pengarah PLANMalaysia. Turut hadir menyaksikan majlis tersebut ialah YBhg. Datuk M Noor Azman bin Taib, Ketua Setiausaha Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Pengiktirafan MBOR ini sangat bermakna dan merupakan salah satu pengisian sempena **Sambutan 100 Tahun Profesion Perancang Bandar di Malaysia**. Penyediaan pelan guna tanah ini memberi fokus kepada **Bandar Kuala Kubu Bharu (KKB) yang merupakan bandar baharu pertama di Tanah Melayu (*First well planned city*)** yang telah dirancang oleh perancang bandar pertama Tanah Melayu pada tahun 1924 iaitu Charles Compton Reade (C.C. Reade).

Perancangan Bandar KKB telah menerapkan konsep Bandar Dalam Taman (*Garden City*) yang telah diperkenalkan oleh Sir Ebenezer Howard, seorang Perancang Bandar Britain di sekitar tahun 1890-an dan beliau juga merupakan pengasas kepada *Garden City Movement*.

Pelan Guna Tanah Terpantas ini telah disediakan oleh seramai **20 peserta** yang terdiri daripada pegawai di PLANMalaysia dan Majlis Perbandaran Hulu Selangor (MPHS). Pegawai-pegawai ini berkemahiran dalam penyediaan pelan guna tanah menggunakan perisian **Quantum GIS (QGIS)**. Peserta telah menerapkan elemen bandar pintar di dalam penyediaan Pelan Guna Tanah tersebut seperti **smart street lighting, smart CCTV, smart trash bin** dan **smart traffic light**. Mereka ini telah berjaya mengemaskini kesemua lot kadaster Bandar Kuala Kubu Bharu seluas **1,592.16 hektar** yang melibatkan sejumlah **6,106 lot** secara serentak.

Menerusi Sambutan 100 Tahun Perancang Bandar di Malaysia, PLANMalaysia dapat mempromosi agenda memartabatkan profesion perancang bandar melalui **perancangan kegunaan dan pemeliharaan tanah yang inovatif dan seimbang**. Profesion perancang bandar diharap dapat terus kekal penting bagi memacu perancangan pembangunan negara melalui perancangan spatial yang komprehensif dan seterusnya mendukung ke arah kejayaan Wawasan Kemakmuran Bersama 2030.

Agenda dan fokus KPKT khususnya “*Liveable Malaysia* atau Malaysia yang Berdaya Huni” akan terus diterjemahkan melalui Matlamat Pembangunan Mampan (*Sustainable Development Goals*) dan Agenda Perbandaran Baharu (*New Urban Agenda*) dalam konteks Pembangunan Spatial Negara.

#KeluargaMalaysia

#BekerjaBersamaRakyat

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PlanMalaysia, 6. Jabatan Lanskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : media.ukk@kpkt.gov.my